

# PRIFLOXIN TABLET

Oflloxacin (200mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Prifloxin*
2. Bagaimana *Prifloxin* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Prifloxin*
4. Cara menggunakan *Prifloxin*
5. Semasa menggunakan *Prifloxin*
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Prifloxin*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Prifloxin*

Ia digunakan untuk merawat jangkitan saluran pernafasan, saluran kencing, kulit dan tisu lembut, telinga, hidung dan tekak, saluran dan pundi hempedu, usus besar dan usus kecil.

## Bagaimana *Prifloxin* berfungsi

Oflloxacin tergolong dalam ubat antibiotik. Ia merawat jangkitan beberapa jenis bakteria dengan membunuhnya.

## Sebelum menggunakan *Prifloxin*

### - Bila tidak boleh menggunakan

- alahan kepada ofloxacin, levofloxacin atau bahan tidak aktif dalam *Prifloxin*.
- jangan gunakan pada kanak-kanak, remaja, wanita hamil dan menyusukan anak kerana ia boleh melemahkan sendi pada haiwan muda.

### - Sebelum menggunakan *Prifloxin*

Berhati-hati jika anda:

- berlaku kejadian sawan atau gangguan sistem saraf pusat
- kekurangan fungsi hati dan buah pinggang
- glucose-6-phosphate deficiency (G6PD)
- *myasthenia gravis* (penyakit autoimun)
- berusia tua

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil:

- fenbufen (untuk sakit)
- antasid yang mengandungi magnesium, aluminium, kalsium dan zink atau zat besi
- sucralfate (untuk ulser usus)
- probenecid (untuk gout)
- theophylline (untuk asma)
- caffeine (untuk sakit)
- warfarin (sebagai anti beku darah)

## Cara menggunakan *Prifloxin*

### - Berapa banyak harus digunakan

Jangkitan saluran kencing: 200 – 400mg setiap hari, ditambah jika perlu ke 400mg dua kali sehari. Jangkitan saluran pernafasan bawah: 400mg satu atau dua kali sehari. Inflamasi pundi kencing dan serviks: 400mg dos tunggal waktu pagi.

Gonorea biasa: 400mg dos tunggal. Kekurangan fungsi buah pinggang: Mula dengan dos biasa, diikuti dengan separuh dos 100 -200mg sehari jika creatinine clearance 20 – 50ml/min dan dikurangkan ke 100mg setiap 48 jam apabila creatinine clearance kurang daripada 20ml/min. Untuk gangguan hati serious (cirrhosis): dos maksimum 400mg sehari. Warga tua dan hemodialisis: creatinine clearance diperlukan sebelum menetapkan dos. Dos adalah seperti kekurangan fungsi buah pinggang. Pemerhatian klinikal teliti dan kajian makmal perlu dijalankan sebelum dan semasa rawatan.

### - Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika terlupa menggunakan ubat. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan gandakan dos untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan *Prifloxin*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan *Prifloxin*. Beritahu doktor segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi *Prifloxin* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Minum air secukupnya semasa rawatan untuk mengelakkan terjadinya kristal dalam air kencing. Elakkan pendedahan kepada cahaya matahari atau lampu. Berhati-hati semasa memandu dan mengendalikan jentera.

## Kesan-sesan sampingan

Loya, muntah, cirit-birit, sakit abdomen dan ketidak hadaman paling biasa. Sakit kepala, pening dan gelisah adalah yang paling biasa sistem saraf pusat. Yang lain termasuk gertak, mengantuk, insomnia, mimpi buruk dan gangguan penglihatan dan jarang halusinasi, tindak balas psikotik, depresi dan sawan. Ruam, gatal, tindak balas hipersensitiviti (fotosensitiviti) dan jarang inflamasi saluran darah, sindrom Steven-Johnson's dan toxic epidermal necrolysis mungkin berlaku. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Prifloxin*

### - Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buang atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet bersalut filem yang berwarna putih, bulat, dwi-cembung dan skor atas.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: ofloxacin  
- Bahan tidak aktif: cornstarch, lactose monohydrate, magnesium stearate, croscarmellose sodium, hydroxypropyl methylcellulose, titanium dioxide, carbowax 6000, simethicone, aerosil 200 dan deionised water

### - Nombor MAL

MAL20040571AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini

09/10/2017

## Nombor siri

NPRA(R4/1)041017/00261